



Headline: Pusat panggilan Macau Scam diserbu, 22 individu ditahan Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Malaysia

Date: 31 December 2020

Section: Dalam Negeri

Page: 11

Pusat panggilan Macau Scam diserbu, 22 individu ditahan

IPOH: Seramai 22 individu termasuk tiga wanita tempatan ditahan kerana disyaki terlibat dalam sindiket Macau Scam yang melibatkan kerugian sebanyak RM360,000 di sebuah premis, di sini semalam.

Suspek berusia lingkungan 20 tahun hingga 46 tahun itu ditahan dalam serbuan antara pukul 7 pagi hingga 4 petang oleh sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Risikan/Operasi, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman.

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob berkata, siasatan mendapati sindiket tersebut menggunakan premis yang diserbu berkenaan sebagai pusat panggilan untuk melakukan penipuan.

Katanya, sindiket itu dikesan menggunakan aplikasi terkini di pasaran sebagai medium komunikasi dan menggunakan 'dark web' untuk mendapatkan maklumat mangsa yang disasarkan.

"Sindiket itu juga menggunakan MyEG Services Bhd. (MyEG), JPJ Portal dan SPR Portal untuk mendapatkan maklumat lebih mendalam seterusnya menyamar sebagai pegawai khidmat pelanggan Telekom Malaysia dan pegawai polis dari Kontinjen Tereng-



ZAINUDDIN Yaacob menunjukkan gambar suspek yang ditahan kerana disyaki terlibat dalam sindiket Macau Scam dalam sidang akhbar di IPK Perak di Ipoh, semalam. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

ganu.

"Kebanyakan mangsa yang ditipu dalam kes ini disebabkan mereka takut digertak akan ditangkap, dituduh di mahkamah dan diambil tindakan di bawah rampasan harta," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak, di sini semalam

Menurut Zainuddin, siasatan mendapati sindiket itu beroperasi sejak April 2018 apabila individu daripada kumpulan

berkenaan menjalani latihan selama seminggu di Kemboja.

Katanya, kumpulan itu juga bekerja di Laos sejak pertengahan 2018 sehingga Mac lalu sebelum berpindah balik ke Malaysia pada Mei 2020 ekoran pandemik Covid-19.

"Kumpulan itu juga telah menjadikan sebuah rumah di Menglembu, Ipoh sebagai rumah transit pada September lalu sebelum mereka memulakan operasi di Taiping, bulan lalu," ujarnya.